

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



MBSJ TERIMA ANUGERAH

BANDAR PINTAR MALAYSIA 2024

m/s 3



**MBSJ MENANG
TEMPAT KEDUA
PERTANDINGAN
PAVILION
TERBAIK**

m/s 26



**MBSJ BERJAYA
RANGKUL
2 ANUGERAH
EMAS**

m/s 23



SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim,
D.I.M.P.

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali,
S.M.S., A.M.N.

Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan
Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan
Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shahrrolzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Noraishah binti Abdullah
Encik Mohd Fazly bin Naiman

ISI KANDUNGAN

MBSJ TERIMA ANUGERAH BANDAR PINTAR MALAYSIA 2024	3	IMBASAN 2024	20
MBSJ KEKAL PENARAFAN 5 BINTANG	4	SESI TEACH-IN SISTEM BAHARU OSC 3.0 PLUS	22
MBSJ DIKTIKRAF BANDAR MAMPAN 2024	4	MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDA ARASAN DARI JUNGNANG-GU SEOUL METROPOLITAN COUNCIL, KOREA	22
MBSJ DIKTIKRAF 'GREEN LEADERSHIP'	5	MBSJ BERJAYA RANGKUL 2 ANUGERAH EMAS	23
MBSJ DINOBATKAN JOHAN AINS-SA	5	JALIN KERJASAMA TINGKAT KESEDARAN ALAM SEKITAR	24
MUF2024: MBSJ PERKUKUH AGENDA BANDAR MAMPAN DI PENTAS ANTARABANGSA	6	PERKASA PENGURUSAN BANDAR MAMPAN, MBSJ SERTA WUF KE-12	24
DUA PROJEK MBSJ RAIH PENGIKTIRAFAN NSOHA 2024	6	BOLA PIKEL AKTIVITI RIADAH TULAR, MBSJ ANJUR KEJOHANAN	25
AUDIT CSM DAN TQM PERKUKUH KECEMERLANGAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN MBSJ	7	SEMINAR STRATA PERKASA PEMAHAMAN	25
SEMINAR MY-STAR 2024 PERKUKUH KEUPAYAAN JMB DAN MC	8	MBSJ MENANG TEMPAT KEDUA PERTANDINGAN PAVILION TERBAIK	26
70 ATLET MBSJ BERENTAP SUKAN SUPANUN 2024	9	PERLAWANAN AKHIR KEJOHANAN SEPAK TAKRAW LEAGUE (STL 2024)	27
MBSJ DIDIK PELAJAR ASAS UNDANG-UNDANG PBT DI SEKOLAH	9	PERANGI DADAH MELALUI PENGANJURAN TAKLIMAT	28
SUKOM-OKU 2024: ANGKAT MARTABAT OKU	10	TINDAKAN TEGAS TERHADAP PEMILIK PREMIS LANGGAR PERATURAN	28
BENGKEL PELAN STRATEGIK OPERASI BANTUAN BENCANA MBSJ 2.0 TINGKAT KESIAPSIAGAAN AGENSI HADAPI MONSUN TIMUR LAUT	10	MBSJ TEMPAH NAMA DI PERSADA ANTARABANGSA	29
NPC 2024: DATUK BANDAR MBSJ TAMPIL DENGAN VISI BANDAR HIJAU MAMPAN	11	SESI TOWNHALL UNTUK KOMUNITI	29
MBSJ KONGSI AMALAN TANPA TUNAI KEPADA MBK	11	MBSJ TERIMA PENGIKTIRAFAN DALAM MAJLIS ANUGERAH LAMAN HIJAU STRATA	30
ULANG TAHUN KE-4 MBSJ DISAMBUK MERIAH DI PERHIMPUNAN BULANAN	12	TEKAD PERANGI RASUAH DAN PERKASA TATAKELOLA MBSJ	30
SEMARAK UKHUWAH MELALUI PROGRAM MBSJ BERSELAWAT	12	PROGRAM EKSPLORASI MADANI INTEGRITI DAN INOVASI 2024	31
LEBIH 3,000 PENGUNJUNG MERIAHKAN HTK SJ EDISI KE-4	13	MAJLIS SAMBUTAN DEEPAVALI MBSJ 2024	32
16 PASUKAN BERENTAP DI KEJOHANAN BILLIARD PIALA DATUK BANDAR 2024	14	SEMAT INTEGRITI PERKUKUH ORGANISASI	32
MBSJ TAMPIL EKSKLUSIF DI SELANGOR TV	14	KEJOHANAN GRAND FINALE WOODBALL SELANGOR 2024	33
ZIARAH KASIH MBSJ SANTUNI 360 PENERIMA BANTUAN	15	SIAP SIAGA HADAPI BENCANA KEBAKARAN	33
SIBS 2024: MBSJ PAMER INOVASI DIGITAL DI KLCC	15	MBSJ TERIMA 12 UNIT MYKIOSK: BANTUAN JANA EKONOMI PENIAGA	34
JEJAK KEMISKINAN: PRIHATIN ASNAF, KOMUNITI TERBELA	15	PROGRAM SECOND SELANGOR FC PARTNERS DAY 2024	35
DELEGASI SARAWAK TIMBA ILMU PENGURUSAN KOMUNITI DI MBSJ	16	SELANGOR ECO RUN 2024	35
13 PASUKAN MBSJ BERENTAP PAMER INOVASI DI KIA 2024	16	PUPUK AMALAN KITAR SEMULA BAGI MELESTARIKAN BANDAR RAYA	36
MBSJ SERIUS TANGANI ISU DADAH DI TEMPAT KERJA	17	PERKASA KOMUNITI HADAPI BENCANA	37
SKETSA DAN DOODLE CETUS KESEDARAN ALAM SECARA KREATIF!	17	KEJOHANAN KAROM SEMARAKKAN SEMANGAT KESUKANAN	37
PERJUMPAAN ISTIMEWA DATUK BANDAR MBSJ BERSAMA WARGA KERJA BERBANGSA INDIA SEMPENA DEEPAVALI	18	HARMONI KRISMAS DI SUNWAY	38
PENGHARGAAN ATLET SUKMA: MBSJ SAMPAIKAN INSENTIF	18	MBSJ BANTU PENIAGA WUJUDKAN TAPAK SMART TRAK	38
MY-STAR 2024: PLATFORM TINGKAT KECEKAPAN PENGURUSAN STRATA	19	PANTAS MBSJ SERTA SKUAD IHSAN MADANI MISI #KITASELANGOR PENYAYANG BANTUAN PASCA BANJIR NEGERI KELANTAN	39
CAKNA DIGITAL: IBU BAPA BIJAK, ANAK SELAMAT	19	KONGSI PENGALAMAN TINGKAT NILAI INTEGRITI	39

SUBANG JAYA SMART VIBRANT



BANDAR HIJAU



BANDAR SIHAT



BANDAR MAKMUR



BANDAR SEJAHTERA



BANDAR PINTAR



BANDAR SELAMAT



MBSJ



MBSJ TERIMA ANUGERAH BANDAR PINTAR MALAYSIA 2024



MBSJ telah dianugerahkan Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia 2024 dalam kategori Smart City Early Adopter sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2024 Peringkat Kebangsaan. Majlis perasmian yang berlangsung di Hotel Everly, Putrajaya dan telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming, bersama Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa, YBhg. Datuk TPR Dr. Alias bin Rameli.

Pengiktirafan ini menegaskan komitmen MBSJ dalam pembangunan bandar pintar demi kesejahteraan komuniti. Selain itu, Forum Bandar Sihat di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) turut diadakan, menekankan kerjasama antara agensi untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesihatan warga bandar melalui perancangan yang mampan dan inklusif.

MBSJ juga mengambil bahagian dalam pameran selama dua hari, dari 28 hingga 29 Oktober 2024, sempena HPBS 2024, mempromosikan inisiatif bandar pintar dan program komuniti kepada pengunjung.

Pengiktirafan ini mencerminkan usaha berterusan MBSJ dalam memajukan pembangunan bandar pintar, selaras dengan aspirasi negara menuju perbandaran mampan dan inklusif.



SUBANG JAYA



MBSJ KEKAL

Penarafan 5 Bintang



Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2024 bertemakan 'Sinergi MADANI, Perkukuh PBT' berlangsung dengan meriah selama dua hari bermula 26 hingga 27 Oktober 2024 di Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Majlis Perasmian Konvensyen ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Fadillah Yusof, Timbalan Perdana Menteri diiringi oleh YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sesi Town Hall KPKT bersama YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming, menjadi tumpuan apabila melibatkan dialog terbuka antara Datuk Bandar, Yang Dipertua, serta pegawai eksekutif PBT. Topik seperti pembangunan lestari dan inovasi perkhidmatan menjadi antara perkara utama yang dibincangkan.

Kemuncak konvensyen adalah Majlis Penyampaian Anugerah Penarafan Bintang PBT (SPB-PBT) 2024, yang mengiktiraf pencapaian cemerlang PBT seluruh negara. Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) sekali lagi berjaya mengekalkan penarafan 5 bintang sekaligus membuktikan kecemerlangan dalam perkhidmatan dan pengurusan bandar.

Hadir sama dalam konvensyen ini adalah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, bersama Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MBSJ.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah atas kejayaan mengharumkan nama PBT masing-masing!

MBSJ DIKTIRAF BANDAR MAMPAN 2024



Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Selangor 2024 yang berlangsung di Laman Rekreasi Tasik Tambahan pada 20 Oktober 2024 yang lalu.

Turut berangkat ialah DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin dan ketibaan baginda disambut oleh YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor

Sempena sambutan itu, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menerima Anugerah Bandar Mampan 2024 atas kejayaannya mencapai status mampan melalui penilaian MURNInets tahun 2024. Penghargaan ini disampaikan sendiri oleh DYMM Sultan Selangor kepada Datuk Bandar MBSJ, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim.

Anugerah tersebut menjadi pengiktirafan atas usaha gigih MBSJ dalam memastikan bandaraya yang mampan dan mesra alam. Syabas diucapkan kepada MBSJ atas kejayaan ini!



MBSJ DIKTIKRAF 'GREEN LEADERSHIP'



MBSJ sekali lagi mencatatkan kejayaan gemilang apabila menerima Anugerah 'Green Leadership' sebagai pengiktirafan atas usaha cemerlang dalam pengurusan sisa pepejal di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

Anugerah berprestij ini disampaikan oleh YBrs. Tuan Hee Loy Sian, Pengerusi Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) kepada YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ dalam Majlis WMAM Award Appreciation Night sempena Waste Management Association of Malaysia (WMAM) Annual Conference 2024 yang berlangsung di Hotel Eastin, Kuala Lumpur pada 3 Oktober 2024.



Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memastikan pengurusan sisa pepejal yang efisien dan mampan, sekaligus mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan hijau di Subang Jaya. Kejayaan ini juga memperkukuhkan kedudukan MBSJ sebagai peneraju dalam amalan pengurusan alam sekitar yang bertanggungjawab dan progresif di Malaysia.



MBSJ DINOBATKAN JOHAN AINS-SA



Prestasi cemerlang Majlis Bandaraya Subang Jaya sekali lagi terbukti apabila berjaya merangkul gelaran JOHAN dalam kategori Sektor Awam (AINS-SA) Trek Ekonomi sempena Anugerah Inovasi Negeri Selangor 2024.

Anugerah berprestij ini telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor kepada YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ,

dalam satu majlis gilang-gemilang yang diadakan di Bankuet Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam pada 7 Oktober 2024.

Majlis tersebut merupakan sebahagian daripada agenda Festival Inovasi Negeri Selangor 2024 (FIS 2024) yang bertujuan meraikan kecemerlangan dan kreativiti organisasi dalam memacu inovasi di negeri Selangor.

Kejayaan ini menjadi satu lagi bukti komitmen MBSJ dalam menerajui pembangunan bandaraya pintar dan mampan melalui inisiatif-inisiatif inovatif yang menjana impak positif kepada masyarakat.

Tahniah diucapkan kepada seluruh pasukan MBSJ atas pencapaian yang membanggakan ini!

MUF2024: MBSJ PERKUKUH AGENDA BANDAR MAMPAN DI PENTAS ANTARABANGSA



Penyertaan MBSJ dalam Malaysia Urban Forum 2024 (MUF2024) telah memberikan impak besar dalam usaha memperkukuh agenda pembangunan bandar mampan. Forum yang berlangsung dari 5 - 8 Oktober 2024 di George Town, Pulau Pinang, ini menjadi platform penting untuk MBSJ berkongsi amalan terbaik dan menimba strategi baharu bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk Subang Jaya.

Dalam forum bertemakan "My City, My Home," MBSJ berpeluang menyertai sesi perbincangan dan pembentangan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan seperti kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat sivil. Topik seperti perubahan iklim, perancangan bandar mampan dan inovasi teknologi dibincangkan secara mendalam, memberikan input berharga untuk memperkasakan perancangan bandar Subang Jaya.

Penyertaan MBSJ pada MUF 2024 ini mencerminkan komitmen MBSJ untuk terus memimpin usaha ke



arah pembangunan bandar yang lestari, pintar, dan inklusif. Dengan pengalaman yang diperoleh, MBSJ dapat menerapkan pendekatan baharu dalam pengurusan bandar, termasuk strategi menangani cabaran urbanisasi, memperbaiki infrastruktur, dan meningkatkan kesejahteraan komuniti.

MUF2024 membuktikan bahawa kerjasama dan perkongsian ilmu adalah kunci untuk membina bandar masa depan yang lebih sejahtera. Dengan impak positif ini, MBSJ terus komited menjadikan Subang Jaya sebagai contoh bandar mampan dan pintar yang

mampu memenuhi keperluan generasi kini dan akan datang.



DUA PROJEK MBSJ RAIH PENGIKTIRAFAN NSOHA 2024



MBSJ sekali lagi mencipta sejarah apabila diumumkan sebagai salah satu daripada 12 pemenang terbaik dalam Anugerah National Scroll of Honour Award for Human Settlements (NSOHA) 2024. Kejayaan ini diraih melalui dua inisiatif cemerlang iaitu Program Penglibatan Belia Dalam Menjana Ekonomi Usahawan Mikro dan Program Memperkasakan Pembangunan Generasi Belia, Sukan

Untuk Semua Melalui Sukan Baharu (Woodball) Ke Era Globalisasi.

Anugerah berprestij ini telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, Datuk Bandar MBSJ, dalam satu majlis gilang-gemilang bertempat di Armenian Park, Georgetown, Pulau

Pinang. Program ini berlangsung bersempena Majlis Pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2024.

Kejayaan ini mengiktiraf usaha MBSJ dalam menerapkan inovasi yang memberi impak positif kepada ekonomi dan pembangunan komuniti. Dengan melaksanakan projek-projek

yang berimpak tinggi, MBSJ terus komited untuk memajukan Subang Jaya sebagai sebuah bandar yang pintar dan progresif.

Tahniah kepada semua yang terlibat, pencapaian ini membuktikan bahawa inovasi adalah kunci utama untuk kemajuan ekonomi dan kesejahteraan komuniti.

AUDIT CSM DAN TQM PERKUKUH KECEMERLANGAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN MBSJ



MBSJ terus komited memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dengan melaksanakan sesi Audit Pensijilan Semula Customer Service Management (CSM) dan Audit Pengawasan Total Quality Management (TQM) pada 9 hingga 10 Oktober 2024 di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Sesi pembukaan auditan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Taklimat pengurusan kualiti bandar raya telah disampaikan oleh Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik, yang memberi penekanan kepada pendekatan strategik MBSJ dalam mencapai visi bandar raya pintar dan mampan.



Audit CSM diketuai oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Kadir Othman dan YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Khirzanbadzli Rahman, manakala Audit TQM diketuai oleh Tuan Haji Kamarizan bin Muhmad Idris bersama Tuan Haji Roslan bin Ghazali.

Pelaksanaan sesi auditan ini mencerminkan dedikasi MBSJ untuk terus memperkasakan perkhidmatan kepada komuniti bandar raya. Langkah ini selaras dengan usaha mewujudkan persekitaran yang lebih sistematik, bertanggungjawab, dan inklusif, sejajar dengan moto "Subang Jaya Gemilang Bersama."

SEMINAR MY-STAR 2024 PERKUKUH KEUPAYAAN JMB DAN MC



Pada 12 Oktober 2024, Majlis Bandaraya Subang Jaya MBSJ telah menganjurkan Seminar Strata Technique Approach Towards Resilient (My-Star) 2024 bertemakan "Pemerkasaan Ejen Pengurusan Sebagai Pengurus Harta Berdaftar." Seminar ini bertujuan meningkatkan pemahaman tentang tanggungjawab, etika, dan langkah pencegahan jenayah dalam pengurusan bangunan berstrata.

Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Seminar ini juga menampilkan penceramah berpengalaman, antaranya Tuan Insp. Musa bin Salleh (Jabatan Perumahan Negara) dengan topik "Jenayah Komersial Dalam Pengurusan Bangunan Berstrata," Tuan Effezul Azran bin Abd Maulop (SPRM)



membentangkan "Integriti Dalam Pengurusan Dana Awam JMB/MC," dan Tuan PMgr. Sr. Low Han Hoe (MIPFM) membincangkan "Etika Dan Tanggungjawab Dalam Melaksanakan Pengurusan Bangunan Berstrata."

Seminar ini diharap dapat memperkukuh keupayaan JMB/MC dalam memastikan pengurusan berstrata yang profesional, berintegriti, dan mampan. Tahniah kepada semua peserta atas komitmen mereka!



Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan memastikan pematuan terhadap Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852), Majlis Bandaraya Subang telah melaksanakan Operasi Mega Bersepadu pada 16 Oktober 2024.

Operasi ini bertujuan melindungi kesihatan awam dengan memperkukuhkan kawalan

terhadap penjualan dan penggunaan produk merokok yang tidak mematuhi peraturan. Operasi ini melibatkan tiga pihak berkuasa tempatan dalam Daerah Petaling iaitu MBSJ, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor,

Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), operasi ini memastikan tindakan yang lebih menyeluruh dan efektif dalam melaksanakan penguatkuasaan.

Langkah ini mencerminkan komitmen kukuh pihak berkuasa untuk menjaga kesejahteraan masyarakat, mengurangkan risiko kesihatan yang berkaitan dengan produk merokok dan memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti.

Tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan operasi ini! Semoga usaha ini terus memberi impak positif kepada kesihatan masyarakat.

OPERASI MEGA: KAWALAN KETAT PRODUK MEROKOK





70 ATLET MBSJ

BERENTAP SUKAN SUPANUN 2024



Kejohanan Sukan Pantai Badan Berkanun Malaysia (SUPANUN 2024) yang berlangsung dari 15 hingga 20 Oktober 2024 di Pusat Rekreasi Pantai Balok, Kuantan Pahang dan telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, bersama YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ bertempat di Perkarangan Lobi, Ibu Pejabat MBSJ.

Seramai 70 atlet mewakili MBSJ bertanding dalam lima kategori sukan iaitu Bola Sepak Pantai, Sepak Takraw Pantai, Bola Tampar Pantai, Bola Jaring Pantai, dan Tarik Tali. Kejohanan ini menjadi platform untuk menguji



keupayaan dan semangat juang atlet sambil memperkukuh hubungan antara badan berkanun di seluruh negara.

Majulah sukan untuk negara.



MBSJ DIDIK PELAJAR ASAS UNDANG-UNDANG PBT DI SEKOLAH



MBSJ telah melaksanakan Program Kempen Kesedaran Undang-Undang di Sekolah Kebangsaan USJ 12, Subang Jaya, sebagai langkah proaktif untuk memberikan pendedahan awal kepada murid-murid mengenai asas undang-undang yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkenalkan murid-murid kepada prinsip dan undang-undang Majlis, sekaligus menyokong usaha MBSJ dalam membina masyarakat bandaraya yang madani melalui pendidikan yang berkesan.

Pendekatan ini memberikan penekanan kepada peranan undang-undang dalam kehidupan seharian dan pentingnya menghormati peraturan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih teratur, harmonis, dan bertanggungjawab.

Adalah diharapkan agar sesi ini dapat memberi pengetahuan yang berguna kepada pelajar serta para peserta akan dapat mengaplikasikan ilmu tersebut dalam kehidupan mereka.

lanya juga diharapkan dapat membentuk masyarakat yang lebih berdisiplin dan menghormati undang-undang, serta menyumbang kepada pembangunan komuniti yang lebih progresif dan bertanggungjawab.



SUKOM-OKU 2024: ANGKAT MARTABAT OKU



Program Sukan Komuniti OKU (SuKOM-OKU) yang berlangsung di Kompleks 3K MBSJ pada 5 Oktober 2024 telah memberi impak besar dalam memperkasakan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Program ini bukan sahaja mempamerkan kebolehan golongan OKU tetapi juga berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan inklusiviti.

Program ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Megat D. Shahrudin bin Dato' Zaharudin, Presiden Majlis Paralimpik Malaysia, bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir ialah Encik Ramacantiran a/l M. Ananthan, Pegawai Kebajikan

Masyarakat Subang Jaya, yang menyatakan sokongan terhadap usaha memperkukuh hubungan antara komuniti.

Kerjasama antara Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) dan MBSJ berjaya menarik banyak penyertaan, selaras dengan saranan KPKT untuk memupuk masyarakat harmoni. Aktiviti seperti bola keranjang berkerusi roda dan sukan rakyat memperlihatkan semangat juang dan kesatuan. Program ini membentuk persepsi positif terhadap OKU, meningkatkan keyakinan mereka, dan mengukuhkan nilai inklusiviti. SUKOM-OKU diharap menjadi acara tahunan yang terus memberi manfaat kepada masyarakat.



BENGKEL PELAN STRATEGIK OPERASI BANTUAN BENCANA MBSJ 2.0 TINGKAT KESIAPSIAGAAN AGENSI HADAPI MONSUN TIMUR LAUT



Pelan Strategik Operasi Bantuan Kecemasan & Bencana Subang Jaya telah berjaya disemak semula dan dikemaskini melalui penganjuran bengkel semakan semula yang diadakan pada 2-3 Oktober 2024 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ Puchong Indah, Puchong. Bengkel ini melibatkan 120 peserta terdiri daripada MBSJ dan agensi bertindak

bencana seperti Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, IPD Subang Jaya, IPD Serdang, Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (Zon 2 petaling), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.

Bengkel ini telah berjaya mengemaskini maklumat sediaada Pelan Operasi

yang telah dihasilkan pada tahun 2022 yang lalu berdasarkan kepada perubahan kawasan risiko bencana banjir & tanah runtuh, perubahan dan penambahan Lokasi Pemindahan Sementara, lokasi parkir kenderaan sementara, pos Kawalan Tempatan Kejadian, direktori dan lain-lain lagi.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tn Hj Mohd Zulkurnain Che

Ali, Timb. Datuk Bandar. Turut hadir ialah YB Abbas Salimi ADN Sri Serdang, YB Wong Siew Ki, ADN Seri Kembangan, YDH ACP A.A Anbalagan, Ketua polis Serdang, barisan Ahli Majlis dan ketua jabatan MBSJ, wakil-wakil agensi dan pihak media.





NPC 2024: DATUK BANDAR MBSJ TAMPIL DENGAN VISI BANDAR HIJAU MAMPAN



Pada 29 Oktober 2024, Majlis Perasmian Kongres Perancangan Kebangsaan 2024 (#NPC2024) bertemakan 'Urbanism Next 3R+' telah berlangsung di Hotel Everly, Putrajaya. Majlis ini disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Fadillah Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Kongres ini menjadi platform penting untuk membincangkan dan merancang pembangunan bandar di Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada cabaran global seperti perubahan iklim dan urbanisasi pesat yang memerlukan pendekatan progresif serta mampan.

Antara tumpuan utama ialah sesi pembentangan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ yang berkongsi pandangan dalam topik 'Reimagining Subang Jaya: Innovating Green and Inclusive Urban Space for a Sustainable Future'.

Menurut beliau, perancangan bandar yang hijau dan inklusif menjadi elemen utama untuk memastikan Subang Jaya terus maju sebagai bandar lestari yang memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat.

Dalam majlis tersebut, MBSJ turut menerima penghargaan sebagai



rakan strategik dalam pengurusan #NPC2024, menegaskan komitmen mereka terhadap pembangunan bandar mampan di Malaysia.

Kongres ini menyaksikan penglibatan

pakar perancangan bandar, penggubal dasar, dan wakil industri, menjadikannya medan penting untuk perbincangan masa depan bandar-bandar negara.

MBSJ KONGSI AMALAN TANPA TUNAI KEPADA MBK



MBSJ berbesar hati menerima kunjungan delegasi dari Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) pada 10 Oktober 2024. Delegasi yang diketuai oleh Puan Aniza binti Abd Rani, Pengarah Kewangan MBK, hadir ke Ibu Pejabat MBSJ untuk sesi perkongsian ilmu dan amalan terbaik.

Lawatan ini memberi fokus kepada pelaksanaan sistem pembayaran tanpa tunai (cashless) yang digunakan oleh MBSJ. Sistem ini dijadikan contoh kerana keberkesanannya dalam meningkatkan kecekapan pengurusan dan memudahkan urusan masyarakat bandar raya.

Para delegasi turut dibawa melawat The Roundabout Putra Heights untuk melihat secara langsung pendekatan inovatif yang diterapkan oleh MBSJ dalam pengurusan kawasan bandar.

Melalui lawatan ini, diharapkan para delegasi dapat mengaplikasikan informasi yang diperolehi untuk memperkukuh pengurusan organisasi masing-masing. Usaha ini mencerminkan kerjasama erat antara Pihak Berkuasa Tempatan dalam memajukan perkhidmatan dan pembangunan bandar raya yang mampan.



ULANG TAHUN KE-4 MBSJ DISAMBUT MERIAH DI PERHIMPUNAN BULANAN



MBSJ menyambut Ulang Tahun Ke-4 dengan penuh kemeriahan semasa Perhimpunan Bulanan Oktober 2024 yang berlangsung di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 16 Oktober 2024 yang lalu.

Majlis ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha, ahli-ahli majlis serta warga kerja MBSJ.

Sambutan istimewa ini menampilkan persembahan koir, ucapan penghargaan, penyampaian hadiah dan diakhiri dengan acara memotong pulut kuning sebagai tanda kesyukuran.

Majlis turut diserikan dengan pelancaran Bulan Inovasi Peringkat MBSJ 2024, yang menandakan komitmen MBSJ terhadap pembaharuan dan kecemerlangan.

Perhimpunan kali ini bukan sahaja meraikan pencapaian MBSJ selama empat tahun, tetapi juga memupuk semangat kebersamaan untuk terus melangkah maju demi kesejahteraan masyarakat Subang Jaya.



SEMARAK UKHUWAH MELALUI PROGRAM MBSJ BERSELAWAT



Program MBSJ Berselawat sempena Ulang Tahun Ke-4 telah memberikan impak besar dalam memperkukuhkan hubungan antara Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan komuniti setempat. Berlangsung di Masjid Putra Heights, Persiaran Putra Indah, program ini disertai pelbagai lapisan masyarakat dalam suasana penuh keberkatan.

Majlis dimulai dengan bacaan surah Yasin dan doa selamat yang dipimpin oleh YBrs. Ustaz Muhammad Ilyas bin Zulkifli, Imam Masjid Putra Heights, serta diserikan dengan alunan qasidah oleh Maahad Integrasi



Tahfizul Quran An-Nasr D Itqan.

Hadir memeriahkan majlis ialah YAD Dato' Haji Emran bin Haji Kadir, Orang Besar Daerah Petaling; YBhg.



Ketua Polis IPD Subang Jaya; YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ; serta ketua-ketua jabatan dan warga MBSJ.

Program ini bukan sahaja menzahirkan semangat kebersamaan tetapi juga mencerminkan nilai-nilai madani dalam memperkukuhkan keharmonian masyarakat. Inisiatif seperti ini menjadi tanda komitmen MBSJ dalam menjadikan Subang Jaya sebuah bandar raya sejahtera dan harmoni.

Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ; YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar; YDH. ACP Tuan Wan Azlan Wan Mamat,



LEBIH 3,000 PENGUNJUNG MERIAHKAN HTK SJ EDISI KE-4



Lebih 3,000 peserta dan pengunjung memeriahkan Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTK SJ) edisi ke-4 di Pasaraya GIANT Kinrara pada 20 Oktober 2024. Buat julung kalinya, program HTK SJ diadakan di kawasan Kinrara dan istimewanya, ia diadakan bersekali dengan sambutan ulang tahun ke-4 MBSJ sebagai bandar raya. Komuniti pelbagai peringkat umur teruja memanfaatkan sebanyak 21 aktiviti sihat dan cergas berbentuk santai, pertandingan, pemeriksaan kesihatan, dan jualan. Sepuluh agensi dan sektor korporat turut terlibat memeriahkan acara dengan menyertai pameran pendidikan dan kesedaran yang diadakan di perkarangan kompleks. Demonstrasi Anjing Pengesan PDRM dan Pemadaman Kebakaran daripada JPBM telah berjaya memukau pengunjung dengan aksi yang mengujakan. Program diakhiri dengan cabutan sepuluh hadiah bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah menarik kepada pengunjung yang bertuah.

Seramai 120 orang golongan B40 dari tiga pangsapuri kos rendah di dalam kawasan MBSJ telah dibawa ke program ini dengan menaiki



Bas Selangor Ku secara percuma. MBSJ berjaya merealisasikan dan menterjemahkan konsep bandar raya inklusif di mana keriaan dan kegembiraan menjalani aktiviti sihat dan cergas dapat dinikmati oleh semua golongan. Terima kasih kepada IPD Serdang, GIANT, dan SP SETIA sebagai penganjur bersama di samping semua pihak yang telah bekerjasama menjayakan HTK SJ edisi ke-4 kali ini.



16 PASUKAN BERENTAP DI KEJOHANAN BILLIARD PIALA DATUK BANDAR 2024



MBSJ dengan kerjasama MPP Zon 3 MBSJ telah menganjurkan Kejohanan Billiard Berpasukan Piala Datuk Bandar sempena Ulang Tahun Ke-4 MBSJ pada 19 Oktober 2024 yang berlangsung di The Grand Subang Jaya SS15.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Michelle Ng Mei Sze, ADN Subang Jaya, bersama YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar; Encik Charles Chow, Presiden Persatuan Cuesports; YBhg. Dato' Cheah Suan Lee, Pengurus Asia Club Snooker & Pool; ahli-ahli majlis, serta pengurusan tertinggi MBSJ.

Kejohanan ini melibatkan 16 pasukan berkumpul dari pelbagai agensi bertujuan memperkukuh hubungan antara organisasi serta mempromosikan sukan billiard sebagai sukan yang inklusif dan berdaya saing.

Program ini mencerminkan usaha MBSJ dalam merapatkan hubungan dengan agensi-agensi lain melalui sukan serta memperkasakan perpaduan dan semangat kerjasama. Ia juga diharap dapat menjadi platform tahunan yang menyemarakkan aktiviti komuniti dan memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.



MBSJ TAMPIL EKSKLUSIF DI SELANGOR TV



MBSJ telah mengadakan sesi perkongsian eksklusif sempena Ulang Tahun Keempat MBSJ dalam siaran langsung segmen Hai Selangor di Selangor TV pada 16 Oktober 2024.

Sesi ini menampilkan Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik MBSJ, yang membincangkan pelbagai program

dan aktiviti menarik yang telah dirancang untuk menyemarakkan sambutan ulang tahun MBSJ. Beliau turut berkongsi visi MBSJ dalam terus memperkukuh pembangunan bandar raya yang mampan dan inovatif, sejajar dengan aspirasi bandar raya pintar.

Dalam perkongsian tersebut, beberapa inisiatif penting yang telah dirangka turut diketengahkan,



termasuk program-program yang bertujuan mempererat hubungan dengan masyarakat dan meningkatkan kesedaran terhadap peranan MBSJ dalam memastikan kesejahteraan komuniti Subang Jaya.

Siaran langsung ini mencerminkan dedikasi MBSJ dalam memastikan

keterbukaan dan telus dalam menyampaikan perancangan mereka kepada masyarakat. Platform digital seperti Selangor TV memberi peluang kepada warga Subang Jaya untuk memahami inisiatif MBSJ dengan lebih mendalam, sambil memperkukuh kepercayaan terhadap pentadbiran bandar raya.





ZIARAH KASIH MBSJ SANTUNI 360 PENERIMA BANTUAN



Seramai 15 keluarga kurang berkemampuan di Kampung Bukit Lanchong, MPP Zon 7, disantuni oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya dalam Program Ziarah Kasih MBSJ 2024 yang berlangsung pada 17 Oktober 2024.

Program ini disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, bersama Encik Mohd Tarmizi bin Lazim, Ahli Majlis MBSJ dan MPP Zon 7, dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pejabat Daerah Petaling, dan AKRAB MBSJ.



Program Ziarah Kasih ini mensasarkan 360 penerima bantuan di seluruh 24 Zon MPP MBSJ.

Selain meringankan beban keluarga yang memerlukan, ianya merupakan satu usaha yang mencerminkan keprihatinan MBSJ terhadap kebajikan rakyat serta komitmen untuk mewujudkan komuniti yang harmoni dan inklusif.



JEJAK KEMISKINAN: PRIHATIN ASNAF, KOMUNITI TERBELA



Seramai 127 penduduk sekitar Putra Heights menyertai Program Jejak Kemiskinan anjuran bersama Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Bandaraya Subang Jaya MBSJ, dan Hospital KPMC Puchong yang diadakan di Dewan Harmoni, Putra Heights.

Program ini bertujuan membantu individu yang layak untuk mendaftar dengan LZS bagi mendapatkan bantuan, selain menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma kepada para peserta.

Turut hadir ialah YB Tuan Preakas a/l Sampunathan, ADN Kota Kemuning, dan Encik Mohd Tarmizi bin Lazim, Ahli Majlis MBSJ Zon 7, yang meluahkan masa menyantuni komuniti yang hadir.



Inisiatif ini mendapat sambutan baik daripada penduduk yang menghargai usaha penganjur dalam memastikan kesejahteraan masyarakat bandar raya terus terjaga. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program ini!



SIBS 2024: MBSJ PAMER INOVASI DIGITAL DI KLCC



Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2024, edisi kedua, berlangsung dengan jayanya pada 16 Oktober 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Sidang kemuncak ini, yang berlangsung dari 16 hingga 19 Oktober 2024, merangkumi pelbagai program berimpak tinggi seperti Ekspo Antarabangsa Selangor (Makanan dan Minuman) atau SIE F&B, Konvensyen Sains Hayat Selangor (SLC), serta Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor (SEDC).

MBSJ turut memanfaatkan platform ini untuk mempamerkan inisiatif transformasi digital bandar raya Subang Jaya melalui reruai MBSJ di Grand Ballroom 1 dan 2, Aras 3, KLCC (No. 1117 & 1118).



Penyertaan MBSJ dalam SIBS 2024 membuktikan komitmen majlis dalam memacu transformasi bandar raya dan menyumbang kepada ekonomi digital Selangor.



DELEGASI SARAWAK TIMBA ILMU PENGURUSAN KOMUNITI DI MBSJ



Pada 22 Oktober 2024, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan berbesar hati telah menerima lawatan penandaarasan daripada Gabungan Komuniti Kampung Bintangor Besar, Sarawak, bertempat di Kompleks 3C, Bandar Sunway.

Lawatan ini diketuai oleh Tuan Haji Hamali bin Haji Bujang, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), bersama delegasi terdiri daripada wakil JKJK, KRT, KJM, dan KOSPEN.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk mempelajari kaedah pengurusan, pentadbiran, dan program pembangunan komuniti yang telah dilaksanakan oleh MBSJ.

Delegasi diharapkan dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh melalui sesi ini dan mengaplikasikannya dalam organisasi masing-masing untuk memperkasakan pembangunan komuniti di kawasan mereka.



13 PASUKAN MBSJ BERENTAP PAMER INOVASI DI KIA 2024



Sempena Bulan Inovasi Peringkat SMBSJ 2024, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Konvensyen Inovasi Awam (KIA) 2024 di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ pada 23 Oktober 2024.

Sebanyak 13 pasukan warga kerja MBSJ telah menyertai pertandingan ini dengan membentangkan pelbagai inovasi yang dinilai oleh panel penilai profesional, iaitu Encik Kamaruzzaman bin Kasim dan Encik Mohd Lizuan bin Abd Latif.

Program ini bertujuan menggalakkan budaya inovasi dalam organisasi sekaligus memperkasa warga kerja untuk memperkenalkan penyelesaian baharu yang dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam.

Tahniah kepada semua peserta atas komitmen dan penyertaan cemerlang dalam menjayakan konvensyen ini.



MBSJ SERIUS TANGANI ISU DADAH DI TEMPAT KERJA



Penyalahgunaan dadah boleh membawa kesan buruk kepada produktiviti dan keselamatan tempat kerja. Menyedari kepentingan menangani isu ini, Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling telah menganjurkan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) pada 24 Oktober 2024.

Program ini menampilkan taklimat bertajuk "Senario Penyalahgunaan Dadah" yang disampaikan oleh Encik Muhamad Amirul Aiman bin Mohd Rosdan, Pegawai Antidadah dari AADK Daerah Petaling.

Inisiatif ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga kerja MBSJ tentang bahaya penyalahgunaan dadah serta kepentingan mewujudkan tempat

kerja yang harmoni, selamat, dan produktif.

Melalui program ini, warga kerja MBSJ diharap lebih peka terhadap isu penyalahgunaan dadah dan terus berusaha memastikan persekitaran kerja kekal bebas dadah demi kesejahteraan bersama.



SKETSA DAN DOODLE CETUS KESEDARAN ALAM SECARA KREATIF!



MBSJ terus komited memupuk kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar melalui penganjuran Pertandingan Akhir Sketsa Pendek dan Penjurian Seni Doodle sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada 24 Oktober 2024.

Program yang berlangsung di Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7 ini turut diserikan dengan pelbagai aktiviti interaktif seperti permainan kitar semula, reruai pameran, dan aktiviti 'upcycling'. Aktiviti ini memberi peluang kepada pengunjung untuk mempelajari tentang kepentingan menjaga alam sekitar melalui pendekatan yang kreatif dan menyeronokkan.

Melalui pertandingan sketsa dan seni doodle, para peserta berpeluang menonjolkan kreativiti mereka dalam menyampaikan mesej kesedaran alam sekitar secara unik dan inovatif.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memupuk budaya cintakan alam sekitar di kalangan masyarakat demi kesejahteraan generasi akan datang. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Fraser & Neave (Malaya) Sdn. Bhd. dan Tetra Pak atas penganjuran program ini.





PERJUMPAAN ISTIMEWA DATUK BANDAR MBSJ BERSAMA WARGA KERJA BERBANGSA INDIA SEMPENA DEEPAVALI



Bagi meraikan sambutan Hari Deepavali, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk MBSJ telah mengadakan sesi perjumpaan khas bersama warga kerja berbangsa India pada 25 Oktober 2024.

Dalam sesi ini, Datuk Bandar berkesempatan mengucapkan Selamat

Menyambut Hari Deepavali kepada kakitangan MBSJ yang beragama Hindu serta menyerahkan sumbangan sebagai tanda penghargaan kepada warga kerja MBSJ yang bakal meraikan perayaan ini.

Turut bersama memeriahkan sesi ini ialah YBrs. Tuan Ismail bin Salim,

Timbalan Setiausaha MBSJ, Encik M. Anbarasan A/L Murugesu, Ahli Majlis (Zon 19), Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Haji Yeop Hashim, Ahli Majlis (Zon 4), Encik Mehanatan A/L Embamurthi, Ahli Majlis (Zon 18) serta barisan pengurusan tertinggi MBSJ.

Perjumpaan ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memupuk nilai kebersamaan dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dalam organisasi.



PENGHARGAAN ATLET SUKMA: MBSJ SAMPAIKAN INSENTIF



Bagi menghargai kejayaan kecemerlang Pasukan Angkat SUKMA Selangor 2024, MBSJ mengadakan Majlis Penyampaian Insentif di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ pada 25 Oktober 2024.

Majlis ini diadakan untuk meraikan pencapaian cemerlang pasukan angkat SUKMA MBSJ yang berjaya membawa pulang pingat dalam SUKMA Edisi Ke-21 di Sarawak.

Pemberian Insentif atas kecemerlangan ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Tahniah dan Syabas!



MY-STAR 2024: PLATFORM TINGKAT KECEKAPAN PENGURUSAN STRATA



Seminar Strata Technique Approach Towards Resilient (My-STAR) 2024 pada 27 Oktober telah berjaya menarik penyertaan para pengurus harta, wakil JMB/MC, ejen pengurusan dari kawasan pentadbiran MBSJ serta penglibatan kakitangan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Seminar ini bertujuan memperkasakan pemahaman peserta dalam aspek pengurusan akaun, auditan, dan proses pemindahan hak milik strata, selaras dengan keperluan

pengurusan yang lebih cekap dan mampan.

Penceramah jemputan untuk seminar ini adalah Encik Azimy bin Derahman, Auditor dari Tetuan Azimy & Co. dan Encik Khairul Shahrizan bin Hamizi, Peguam dari Tetuan Shahrizan & Co. Seminar ini turut dihadiri oleh Pengarah dan kakitangan daripada Jabatan COB Majlis Perbandaran Selayang (MPS) serta wakil JMB/MC/Ejen Pengurusan dari kawasan pentadbiran MPS.



Seminar ini menjadi platform untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan strata. Tahniah kepada semua yang terlibat menjayakan program ini!



CAKNA DIGITAL: IBU BAPA BIJAK, ANAK SELAMAT



Pada 26 Oktober 2024, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Perpustakaan Perbandaran Shah Alam (PPAS), dan Selangor Gateway (SELGATE) telah menganjurkan Program Keibubapaan Digital di Kompleks 3C, Bandar Sunway.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada ibu bapa mengenai cara menangani kehidupan norma baharu yang bergantung kepada gajet dan internet dalam aspek seperti pekerjaan, pembelajaran, pembelian, hiburan, dan urusan harian.

Program ini menekankan kepentingan literasi digital dalam kalangan ibu bapa untuk memastikan penggunaan teknologi yang selamat dan beretika oleh anak-anak. Ibu bapa didedahkan kepada strategi pengawasan, penetapan had penggunaan peranti

dan cara membimbing anak-anak dalam dunia digital. Inisiatif ini selaras dengan usaha memperkukuh peranan ibu bapa dalam era digital, memastikan kesejahteraan keluarga terpelihara.

Program ini mendapat sambutan menggalakkan daripada komuniti setempat, mencerminkan kesedaran tinggi terhadap keperluan adaptasi dalam era digital. Adalah diharapkan program sebegini dapat diteruskan bagi memperkasakan ibu bapa dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan.





18.01.2024 (Khamis)
 Majlis Mengangkat Sumpah dan Menandatangani Watakah Pelantikan Ahli Majlis, MBSJ Bagi Penggal 2024-2025



19.01.2024 (Jumaat)
 Majlis Anugerah Perwakilan Penduduk MBSJ Tahun 2023



02.02.2024 (Jumaat)
 Lawatan Tapak YBhg. Dato' Mohd Fauzi bin Mohd Yatim Datuk Bandar dan Pengurusan MBSJ ke Kawasan Pembinaan Jejantas Bertingkat



02.02.2024 (Jumaat)
 Majlis Perasmian Roundbout Putra Height



29.02.2024 (Jumaat)
 Majlis Penyampaian Anugerah Integriti Governans Dan Antirasuah (AIGA) 2023



01.03.2024 (Jumaat)
 Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat MBSJ 2024



06.03.2024 (Rabu)
 Majlis Pelancaran Program Potong Royong Pemandulan Anjing dan Kucing oleh DYMM Tengku Permaisuri Hajah Norashikin Tengku Permaisuri Selangor



15.03.2024 (Jumaat)
 Program 'Walkabout' Bazar Ramadan MBSJ 2024



30.05.2024 (Khamis)
 Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih Perpisahan YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ



04.06.2024 (Khamis)
 Majlis Makan Malam 'Sanjungan Budi Lambaian Kasih' Perpisahan YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Mantan Datuk Bandar MBSJ



21.06.2024 (Ahad)
 Program Gagasan Rumpun Selangor Daerah Petaling DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj ke Kawasan Pentadbiran MBSJ



30.06.2024 (Selasa)
 Majlis Pelancaran 'Hotel Tanjong Subang Jaya' Oleh DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj



14.08.2024 (Rabu)
 Lawatan Panel Penilaian SPB-PBT Tahun 2024



23.08.2024 (Jumaat)
 Lawatan Delegasi Persahabatan Bandar Subang Jaya Hioki Tahun 2024



20.09.2024 (Jumaat)
 Lawatan YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia Ke Warung Maju D'Salam



28.09.2024 (Rabu)
 Program Menembak Gagak Peringkat MBSJ 2024



28.09.2024 (Rabu)
 Hari Cuci Malaysia: Program Pembersihan Mega Sempena World Cleanup Day 2024 Peringkat MBSJ



09-10.2024 (Rabu)
 Lawatan Panel Penilai Audit Pensijilan Semula CSM & TQM



12.10.2024 (Sabtu)
 Seminar Strata Technique Approach Towards Resilient (MY-Star)



16-18.10.2024 (Rabu)
 Majlis Perasmian Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor (SDEC)



20.10.2024 (Ahad)
 Hari Tanpa Kenderaan MBSJ Sempena Ulang Tahun MBSJ Ke-4



23.11.2024 (Isnin)
 Majlis Sambutan Deepavali MBSJ 2024



27.11.2024 (Rabu)
 Program Wacana Eksekutif 'Teguh integriti, kukuh pertiwi' Bersama Pengarah SPRM Selangor & Majlis Perasmian Penutup Bulan Integriti MBSJ 2024



01.12.2024 (Ahad)
 Kejohanan Grand Finale Woodball Selangor 2024



05.12.2024 (Khamis)
 Majlis Perasmian Mykiosk 2.0 Subang Jaya Oleh YB Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan



07.02.2024 (Rabu)
Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023



09.02.2024 (Jumaat)
Pendaftaran PADU Kakitangan MBSJ



08.02.2024 (Khamis)
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ Tahun 2023



21.03.2024 (Khamis)
Program Menyantuni Anak Yatim Dan Asnaf
Bersama MBSJ Bersempena Ramadhan Tahun 2024



04.03.2021 (Khamis)
Majlis Penutup Tadarus Al-Quran MBSJ Dan
sambutan World Quran Hour Peringkat MBSJ
Tahun 2024



25.04.2024 (Khamis)
Majlis Sambutan Hari Raya MBSJ Tahun 2024



07.05.2024 (Ahad)
Lawatan Delegasi Majlis Pembangunan
Lembah Klang Raya Selangor (SGKV)



16.07.2024 (Selasa)
Lawatan Penilaian Anugerah Inovasi Negeri
Selangor (AINS) Tahun 2024



23.07.2024 (Selasa)
Majlis Upacara Mengangkat Sumpah Dan Menandatangani
Watakah Pelantikan Sebagai Datuk Bandar MBSJ



24.07.2024 (Rabu)
Majlis Sesi Jelajah Promosi Dan Penyerahan
Tiket "The Sultan of Selangor's Sup 2024"



05.08.2024 (Isnin)
Majlis Perhimpunan Penjawat Awam Dan
Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang
Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024

2024



31.08.2024 (Sabtu)
Program Konvoi 'Jiwa Merdeka' Subang Jaya 2024 Anjuran MBSJ, MPP
Zon 4, Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) Dan Da Men Mall.



11.09.2024 (Rabu)
Program Kesedaran Low Carbon School
Generasi Bestari (Smart Gen) MBSJ 2024



28-29.09.2024 (Rabu)
Fiesta Kebudayaan Warisan MBSJ 2024



02-03.10.2024 (Selasa)
Bengkel Semakan Semula Pelan Strategik Operasi
Bantuan Kecemasan Dan Bencana Bandaraya
Subang Jaya 2024 Dewan Puhong Indah



05.10.2024 (Sabtu)
Program Kemampanan Komuniti: Sukan Komuniti OKU
(SUKOM-OKU) Kompleks 3K MBSJ



07.10.2024 (Ahad)
Majlis Apresiasi Inovasi Negeri Selangor
Tahun 2024 Sempena Festival Inovasi
Negeri Selangor 2024



28-29.10.2024 (Isnin)
Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS)
Peringkat Kebangsaan Tahun 2024



16.11.2024 (Sabtu)
Kejohanan Jemputan Pickleball Piala Datuk
Bandar MBSJ



17.11.2024 (Ahad)
Majlis Perasmian Program Fiesta Makanan
Warisan Negeri Selangor



22.11.2024 (Jumaat)
Sesi Town Hall Cadangan Kerja-Kerja Menaiaktaraf Dan
Pelebaran Jalan Lagoon Selatan Bersama Penduduk



10.12.2024 (Selasa)
Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar
Semula Sekolah dan Pertandingan Sketsa Pendek
Dan SeniDoodle MBSJ 2024



14.12.2024 (Sabtu)
Seminar Komuniti Berdaya Tahun Bencana
Menghadapi Monsun Timur Laut MBSJ 2024



14.12.2024 (Sabtu)
Kejohanan Terbuka Beregu Karom Piala Datuk
Bandar MBSJ 2024



14.12.2024 (Sabtu)
Majlis Sambutan Perayaan Krismas Peringkat
Negeri Selangor 2024

SESI **TEACH-IN** SISTEM BAHARU OSC 3.0 PLUS



Dalam usaha meningkatkan kefahaman mengenai pelaksanaan sistem baharu, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan sesi 'Teach-In' berkaitan pelaksanaan inisiatif baharu Proses dan Prosedur Kelulusan Pelan Pemajuan OCS 3.0 Plus dan Proses dan Prosedur Pendepositan CCC Melalui Sistem OSC 3.0 Plus Online pada 5 & 6 November 2024 bertempat di Hotel Hilton Garden Inn, Puchong, Selangor.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Para peserta telah diberikan penerangan mengenai pelaksanaan sistem berkaitan yang telah disampaikan oleh pegawai yang berpengalaman dari Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).



MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDA ARASAN DARI JUNGNANG-GU SEOUL METROPOLITAN COUNCIL, KOREA



MBSJ berbesar hati menerima lawatan penanda arasan daripada Jungnang-Gu Seoul Metropolitan Council, Korea pada 11 November 2024 yang lalu.

YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Abd Rahim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya telah sudi meluangkan masa menyambut ketibaan delegasi yang diketuai oleh Mr. Choi Kyung Bo, Chairman of Jungnang-Gu Seoul Metropolitan Council.

Para delegasi telah diberikan pendedahan mengenai perkhidmatan MBSJ selain dibawa melawat ke Pusat Kawalan Subang Jaya.

Semoga perkongsian dan informasi yang diperolehi melalui lawatan antarabangsa ini akan memberikan manfaat kepada kedua-dua organisasi.



현장속으로! 신뢰받는 중랑구의회
2024 중랑구의회 공무국외연수
 일시 | 2024.11.10.(일)~11.16.(토) | 장소 | 말레이시아·싱가포르



BEYOND BOUNDARIES : A Quest for Quality, Productivity & Innovation

11TH - 13TH NOVEMBER 2024

LAN



MBSJ BERJAYA RANGKUL 2 ANUGERAH EMAS



Tahniah diucapkan kepada dua kumpulan iaitu Pasukan D'Planner dan pasukan 2LAS yang telah mengharumkan nama MBSJ di persada antarabangsa apabila berjaya merangkul anugerah Emas di International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2024 bertempat di Sri Lanka pada 11-13 November 2024 yang lalu.

Pasukan D'Planner yang terdiri daripada Jabatan Perancangan Bandar bersama Jabatan Teknologi Maklumat serta pasukan 2LAS dari Jabatan Pengurusan Alam Sekitar bersama Jabatan Landskap dengan Jabatan Pelesenan telah bertungkus-lumus bersaing dengan lebih daripada 466 pasukan dari 14 negara, sebelum menerima pengiktirafan global untuk projek komuniti mereka.

Pasukan 2LAS mengemukakan projek inovasi mereka 'Coco Crush' iaitu inisiatif hijau oleh MBSJ untuk mengubah sisa kelapa yang dikumpulkan daripada peniaga di sekitar bandar menjadi 'cocopeat' dan 'cocofibre'.

Manakala pasukan D'Planner pula telah mempertaruhkan projek yang bertajuk 'Inisiatif Karbon Rendah Majlis Bandaraya Subang Jaya' iaitu inisiatif MBSJ menangani perubahan iklim dengan membangunkan sistem pengurusan inventori gas rumah kaca untuk mengira jejak karbon di pentadbiran MBSJ.



ICQCC 2024
Sri Lanka
International Convention on
Quality Control Circles

BEYOND BOUNDARIES : A Quest for Quality, Productivity & Innovation

24





PERKASA PENGURUSAN BANDAR MAMPAN, MBSJ SERTA WUF KE-12



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menyertai World Urban Forum ke-12 yang telah berlangsung Egypt International Exhibition Centre, Kaherah, Mesir pada 4 hingga 8 November 2024. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah dijemput sebagai salah seorang panelis bagi berkongsi pengalaman dan kepakaran beliau di dalam sesi Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Selangor di Pavilion Malaysia. Puan Hj. Sharifah Rohaida binti Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Hasil MBSJ turut berkongsi pengalaman di dalam sesi perkongsian bertajuk 'Smart Economy: Engagement with MBSJ Stakeholders for Greater City Revenue by MBSJ' yang memfokuskan kolaborasi



agensi bagi meningkatkan hasil bandar raya melalui pendekatan ekonomi pintar.

World Urban Forum (WUF) atau Forum Bandar Dunia merupakan sebuah persidangan utama PBB mengenai pembangunan bandar mampan yang dianjurkan sejak 2001 untuk menangani isu urbanisasi global. Forum ini dianjurkan setiap dua kali setahun dan ianya pernah dianjurkan di Kuala Lumpur pada tahun 2018 untuk edisi WUF kesembilan.



JALIN KERJASAMA TINGKAT KESEDARAN ALAM SEKITAR



Kelestarian alam sekitar merupakan salah satu agenda utama MBSJ dalam memastikan kehidupan yang sejahtera.

Justeru itu, MBSJ telah menjalin kerjasama strategik dengan syarikat T-Pot dan syarikat Kloth bagi menganjurkan Program Pengumpulan E-Sisa & Fabrik Terpakai MBSJ Sempena Hari Kitar Semula Negara 2024 pada 12 November 2024 yang lalu bertempat di Lobi Ibu Pejabat MBSJ.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kitar semula e-sisa dan

fabrik bagi mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan sampah.

Sepanjang program ini berlangsung, sebanyak 264.10 kilogram fabrik dan 52 unit e-sisa berjaya dikumpulkan. Bagi barangan e-sisa, pihak T-Pot turut menawarkan perkhidmatan belian secara tunai dan trade-in.

Pihak MBSJ sekali lagi merakamkan penghargaan untuk semua yang menyokong usaha pelaksanaan program kitar semula agar ianya dapat memberi manfaat kepada semua.



BOLA PIKEL

AKTIVITI RIADAH TULAR, MBSJ ANJUR KEJOHANAN



Seramai 206 pemain telah menyertai Kejohanan Jemputan Pickleball Datuk Bandar MBSJ anjuran Majlis Perwakilan Penduduk Zon 7 dengan kerjasama SJ Pickleball, MyPickleball dan ProX pada 16 November 2024 lalu di Dewan Serbaguna MBSJ Seksyen 10, Putra Heights. Kejohanan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah Y.B. Tuan Preakas A/L Sampunathan, Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MBSJ.

Sebanyak 5 kategori telah dipertandingkan pada kejohanan kali ini iaitu kategori terbuka beregu lelaki dan wanita, kategori beregu campuran, dan kategori veteran (50 tahun ke atas) untuk lelaki dan wanita.

Sukan Pickleball, sukan baru yang menggabungkan teknik Badminton, Tenis dan Pingpong, semakin diminati orang ramai dewasa ini.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor, di dalam Belanjawan Selangor 2025 pada 15 November 2024 yang lalu, turut mengumumkan peruntukan RM1 juta untuk menggalakkan perkembangan



sukan tersebut dan Selangor berhasrat menjadi negeri pertama yang menganjurkan sukan Pickleball dalam SUKMA akan datang.



SEMINAR STRATA PERKASA PEMAHAMAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Seminar Strata Technique Approach Towards Resilient (My-STAR) MBSJ 2024 - Seminar Pemerkasaan Strata pada 16 November 2024 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ, USJ 7, Subang Jaya.

Objektif seminar adalah bertujuan untuk memperkasakan pemahaman tentang pengurusan akaun, auditan serta kepentingan dalam proses pemindahan hak milik strata.

Penceramah jemputan untuk seminar ini adalah Puan Saraswathy Shirke Deo, Peguam dari SARA DEO & CO., Puan Siti Zubaidah binti Helmaterlidi, Pegawai Undang-undang dari Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Encik Effezul Azran bin Abd Maulop, Perunding dari CJM GLOBAL.

Tahniah kepada Pengurus Harta, JMB/MC dan semua peserta yang telah menyertai seminar pada kali ini.



KOPITIAM *Kenanga*



Nikmati Hidangan Lestari,
Mampan dan Harmoni Bandar Raya



PAIPAIAN SIJIL PENGHARGAAN DAN HADIAH



MBSJ MENANG TEMPAT KEDUA PERTANDINGAN PAVILION TERBAIK



Usaha serta dedikasi tanpa berbelah bagi akhirnya membuahkan hasil apabila MBSJ berjaya merangkul Tempat Kedua Pertandingan Pavilion Terbaik semasa Festival Makanan Warisan Negeri Selangor pada 17 November 2024 bertempat di Pantai Bagan Lalang Sepang, Selangor.

Dengan bertemakan Kopitiam Kenanga, MBSJ telah menyajikan hidangan tradisional seperti Lepat Pisang, Lai Chi Kang dan Mee Wantan kepada tetamu yang hadir ke reruai MBSJ semasa festival berlangsung. Mereka juga turut dihiburkan dengan alunan muzik busking yang dipersembahkan oleh

Kombo MBSJ. Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin turut berkenan mencemar duli merasmikan Festival Makanan Warisan Selangor 2024 anjuran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Majlis ini turut dihadiri YABhg. Datin Seri Masdiana Mohamad, isteri Dato' Menteri Besar Selangor dan YB Datuk Borhan bin Aman Shah, Exco Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor yang mengiringi DYMM Tengku Permaisuri Selangor dalam menyampaikan sijil penghargaan kepada 12 Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) atas usaha menyediakan pavilion makanan warisan mengikut daerah di Selangor serta sijil 'The Malaysia Book of Records' bagi penyertaan terbesar dalam sesi makan punten.

Turut hadir memeriahkan festival ini ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis serta warga kerja Majlis Bandaraya Subang Jaya.

PERLAWANAN AKHIR KEJOHANAN SEPAK TAKRAW LEAGUE (STL 2024)

Sekitar kemeriahan Perlakuan Akhir Kejohanan Sepak Takraw League (STL 2024) yang berlangsung di Stadium MBSJ Serdang Jaya, Seri Kembangan, Selangor.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, YB. Tuan Mohd Najwan Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan, YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, ADN Seri Serdang dan YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ yang telah bersama-sama memeriahkan kejohanan ini.

Syabas dan tahniah kepada semua pasukan yang telah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi sepanjang kejohanan ini berlangsung.



PERANGI DADAH MELALUI PENGANJURAN TAKLIMAT



Penyalahgunaan dadah merupakan satu kesalahan yang serius dan memusnahkan masa depan negara. Justeru itu, bagi memberikan pendedahan kepada warga kerja MBSJ dalam memastikan persekitaran tempat kerja selamat dan bebas daripada penyalahgunaan dadah, MBSJ telah menganjurkan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) yang telah berlangsung pada 18 November 2024 bertempat di Ibu Pejabat MBSJ.

Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling.

Para peserta yang hadir telah diberikan taklimat yang bertajuk 'Realiti Semasa Penyalahgunaan Dadah dan Substans' yang telah disampaikan oleh Encik Muhamad Amirul Aiman bin Mohd Rosdan, Pegawai Antidadah, AADK Daerah Petaling.

Semoga taklimat yang disampaikan dapat meningkatkan lagi kefahaman peserta yang terlibat selaras dengan hasrat Majlis menjadikan MBSJ kawasan bebas penyalahgunaan dadah.



TINDAKAN TEGAS TERHADAP PEMILIK PREMIS LANGGAR PERATURAN



Sebanyak 23 premis telah diperiksa dan 29 Notis Tawaran Kompaun (NTK) serta 18 Notis Pemberitahuan Bangunan (NPB) juga telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan pada premis yang telah melanggar peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis dalam Operasi Bersepadu Premis Makanan yang telah dijalankan pada 20 November

2024 di kawasan komersial SS 15, Subang Jaya.

Operasi bersepadu ini melibatkan beberapa jabatan seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Bangunan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari masa ke semasa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak atau individu yang didapati melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.





MBSJ TEMPAH NAMA DI PERSADA ANTARABANGSA



Majlis Bandaraya Subang Jaya berjaya menempatkan namanya di persada antarabangsa apabila berjaya menduduki tempat ke-4 dalam 'The 3rd SDG CITYNET-ESCAP SDG City Awards Ceremony' yang berlangsung di Iloilo Convention Centre, Filipina bermula pada 17 hingga 20 November 2024.

Dalam pertandingan tersebut, MBSJ telah mempertaruhkan projek 'WhatsApp Biz MBSJ' iaitu perkhidmatan dalam talian melalui aplikasi 'WhatsApp Business' bagi tujuan memudahkan cara kepada pelanggan untuk membuat semakan, pertanyaan, dan bayaran berkaitan perkhidmatan MBSJ termasuk cukai taksiran, kompaun

dan lain-lain.

Penganugerahan ini telah menerima lebih daripada 25 penyertaan dari pihak kerajaan tempatan di rantau Asia Pasifik dengan lebih dari 70 kajian kes yang telah dihantar. Kejayaan di peringkat antarabangsa ini merupakan sebahagian komitmen



MBSJ dalam pembangunan bandar raya yang mampan dan inovatif.

Syabas diucapkan kepada semua peserta yang bertanding mewakili MBSJ dan diharapkan kecemerlangan ini diteruskan di masa hadapan.

SESI TOWNHALL UNTUK KOMUNITI



Bagi memastikan kefahaman serta melancarkan lagi pengurusan projek, Sesi Townhall bagi Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Pelebaran Jalan Lagoon Selatan dari susur masuk Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) hingga Persimpangan Persiaran Kewajipan dari arah Lagoon Selatan ke Lebuhraya Pantai Baru (NPE) serta Persimpangan Bertingkat Pusing Balik (Elevated U-Turn) di Jalan Lagoon Selatan, SS13, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan telah berlangsung pada 22 November 2024 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Semoga melalui sesi ini akan dapat mencapai penyelesaian yang terbaik demi kesejahteraan komuniti,

pembangunan dan kesejahteraan bandar raya.



Sesi Townhall ini telah dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, Tn. Ir. Dr. Hj. Mohd Ariffuddin bin Kamari, Pengarah Jabatan Kejuruteraan, Ahli Majlis MBSJ, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ, wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor dan JKR Petaling, pihak Sunway South Quay, New Pantai Expressway Sdn. Bhd., SNA Consult Sdn. Bhd., serta Perunding Trafik Dinamik Sdn. Bhd.





MBSJ TERIMA PENGIKTIRAFAN DALAM MAJLIS ANUGERAH LAMAN HIJAU STRATA



MBSJ sentiasa komited serta melaksanakan pelbagai agenda melestarikan kawasan melalui penghijauan kawasan di pentadbirannya.

Usaha ini berbaloi apabila MBSJ telah mendapat pengiktirafan dalam Majlis Anugerah Laman Hijau Strata Negeri Selangor 2024 anjuran Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) pada 23 November 2024.

Majlis anugerah ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Borhan bin Aman Shah, Exco Perumahan dan Kebudayaan Selangor bertempat di di Dewan Konvensyen Midlands, Shah Alam.

Dalam majlis tersebut, MBSJ telah dianugerahkan pelbagai anugerah di atas pencapaian cemerlang iaitu:

- **Tempat Kedua:** Kebun Komuniti USJ 14.
- **Tempat Ketiga:** Kebun Komuniti Pangsapuri Seri Serdang.
- **Anugerah Khas Inovasi:** Kebun Komuniti USJ 14.
- **Anugerah Khas Kebun Berdaya Huni:** Kebun Komuniti USJ 14.
- **Anugerah Khas PBT Terbaik.**



Adalah diharapkan kejayaan ini diharapkan dapat menjadi inspirasi kepada seluruh komuniti bandar raya untuk terus memperkasa konsep kehijauan dan inovasi demi kesejahteraan bersama.

TEKAD PERANGI RASUAH DAN PERKASA TATAKELOLA MBSJ



Delegasi MBSJ seramai 40 orang yang diketuai oleh Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat MBSJ telah hadir ke Pejabat SPRM Negeri Selangor pada 12 November 2024 yang lalu.

Lawatan ini diadakan selaras dengan pelaksanaan Modul Pengukuhan Governans, Integriti Dan Antirasuah (MPGIA) dalam pengurusan organisasi khususnya MBSJ dalam mengadaptasikan metodologi dalam menangani dan

mengambil tindakan yang berkesan berhubung isu governans, integriti dan rasuah dalam konteks organisasi.

Para delegasi telah diberi peluang melihat secara langsung proses siasatan di fasiliti SPRM Negeri Selangor di samping mewujudkan tanggungjawab sosial dalam memerangi rasuah.

Mereka telah dibawa melawat fasiliti SPRM Negeri Selangor yang dikendalikan oleh PKPs Mohamad Redzuan bin Mohamad

dan PKPs Siti Mastura binti Zakaria diikuti dengan sesi taklimat "Membudayakan Amalan Antirasuah Dalam Organisasi" yang telah disampaikan oleh PKPs Abd Mutalib bin Abd Samat.

Adalah diharapkan lawatan ini dapat meningkatkan lagi kefahaman serta memperkasa tatakelola MBSJ bagi memerangi rasuah serta dapat menjalinkan kerjasama yang erat antara MBSJ dan juga SPRM.

v



PROGRAM EKSPLORASI MADANI INTEGRITI DAN INOVASI 2024



Sekitar Kemeriahian Program Eksplorasi Madani Integriti dan Inovasi 2024 di kawasan sekitar kawasan MBSJ yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar dan YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ.

Program ini melibatkan sebanyak 26 pasukan daripada warga kerja MBSJ dan 7 pasukan jemputan dari pelbagai agensi. Turut hadir dan mengambil bahagian dalam program tersebut adalah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama barisan kepimpinan MBSJ.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan peserta yang telah menunjukkan komitmen dan semangat yang tinggi sepanjang program ini berlangsung!



Majlis Sambutan Deepavali

MAJLIS SAMBUTAN DEEPAVALI MBSJ 2024



Pada 23 November 2024 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ Batu 14, Puchong, Selangor, telah berlangsung Majlis Sambutan Deepavali MBSJ 2024.

Majlis sambutan ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han EXCO Pelaburan, Perdagangan & Mobiliti Merangkap Ahli Dewan Negeri, Kinrara bersama YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, ADN Seri



Serdang dan YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ Batu 14, Puchong, Selangor.

Turut hadir memeriahkan majlis adalah YB Puan Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, YBrs. Tuan Huzunul Khaidil bin

Mohammed, Pegawai Daerah Petaling, YDH. ACP Tuan Wan Azlan Wan Mamat, Ketua Polis IPD Subang Jaya, Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, Ahli-Ahli Majlis MBSJ, ketua-ketua jabatan dan warga kerja MBSJ serta komuniti bandar raya.

Majlis turut dimeriahkan dengan nyanyian dan persembahan tarian India serta cabutan bertuah. Terima kasih kepada semua tetamu yang telah hadir memeriahkan lagi majlis ini!



Memperkuhkan integriti di kalangan warga kerja merupakan usaha berterusan MBSJ bagi mendepani masa hadapan yang semakin mencabar. Menyedari kepentingan tersebut, MBSJ telah menganjurkan Program Wacana Eksekutif bertemakan 'Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi' pada 27 November 2024 bertempat di Ibu Pejabat MBSJ.

MBSJ sememangnya berbesar hati apabila YBhg. Dato' Haji Alias bin Salim, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor, sudi meluangkan masa menerima jemputan MBSJ menjadi panel jemputan istimewa pada program kali ini.

Dalam program kali ini, beliau telah berkongsi pelbagai input berguna mengenai isu rasuah dan integriti serta pengalaman berharga beliau sepanjang bertugas di SPRM.

SEMAT INTEGRITI PERKUKUH ORGANISASI



Dalam program ini turut diadakan Majlis Perasmian Penutup Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSJ 2024 yang telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

YBhg. Dato' Haji Alias bin Salim, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor turut berkesempatan bertemu dengan YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ membincangkan mengenai komitmen MBSJ dalam mewujudkan persekitaran kerja yang berteraskan amanah serta bebas rasuah di kalangan warga kerja MBSJ demi kecemerlangan organisasi dan pembangunan negara.



KEJOHANAN GRAND FINALE WOODBALL SELANGOR 2024



Pada 1 Disember 2024 bertempat di Laman Woodball Datuk Bandar MBSJ, telah berlangsung Kejohanan Grand Finale Woodball Selangor 2024. Para peserta telah mempamerkan skil terbaik mereka dalam memastikan mereka merangkul kejuaraan yang diidamkan.

Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ dan diiringi oleh Encik Mohd Tarmizi bin Lazim, Ahli Majlis



Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ Zon 7.

Kejohanan ini telah mengambil masa selama 3 bulan untuk bermain secara liga, dan 15 pemain terbaik dari setiap kelab bertemu secara Grand Final di Laman Woodball Datuk



Bandar MBSJ di Putra Heights, Subang Jaya pada kali ini.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada para peserta dan pemenang yang telah menunjukkan komitmen serta kecemerlangan sepanjang kejohanan ini.



SIAP SIAGA HADAPI BENCANA KEBAKARAN



Malang tidak berbau. Justeru, kita perlu sentiasa bersiap siaga menghadapi segala kemungkinan yang tiba terutamanya apabila ianya melibatkan nyawa dan harta.

Justeru itu, dalam usaha meningkatkan kesedaran warga kerja sekaligus bertindak dengan cekap dalam menghadapi situasi kecemasan, sesi Latihan Pengungsian Bangunan MBSJ telah dilaksanakan di Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Subang Jaya pada 5 Disember 2024.

Sesi latihan ini telah diketuai oleh Tuan Shamsul bin Abidin, PBK II (Peg. Bomba Kanan II) dengan melibatkan Pihak Pengurusan Tertinggi, warga kerja dan pelanggan MBSJ sebagai langkah dalam memastikan kesiapsiagaan menghadapi situasi kecemasan kejadian kebakaran.

Pihak bomba turut memberikan taklimat keselamatan serta demonstrasi penggunaan alat pemadam api bagi tujuan latihan dan persediaan awalan dalam menghadapi kemungkinan bencana kebakaran.





MBSJ TERIMA 12 UNIT MYKIOSK: BANTUAN JANA EKONOMI PENIAGA



MBSJ berbesar hati menerima 12 unit MyKiosk yang telah diserahkan kepada peniaga terpilih semasa Majlis Perasmian MyKiosk 2.0 yang telah berlangsung pada 5 Disember 2024 bertempat di Tapak Niaga Roundabout @ Putra Heights, Subang Jaya.

Majlis penyerahan kiosk tersebut telah disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (YBM KPKT). Turut hadir adalah YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama YB. Tuan Preakas a/l Sampunathan, Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning serta YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ serta Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ.

Dalam majlis yang sama, turut ditayangkan Montaj MyKiosk 2.0 serta Pelancaran Buku "Inspirasi



Kejayaan MyKiosk 2.0". Seramai 12 peniaga juga turut menerima surat tawaran yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri KPKT. Sebagai makluman, MyKiosk 2.0 merupakan kesinambungan Inisiatif Pembangunan Gerai Penjaja MyKiosk @ KPKT yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 bagi memenuhi keperluan tambahan pembinaan kiosk di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi setiap unit MyKiosk 2.0, ianya dilengkapi kuasa solar

1,000 watt dan peralatan elektrik seperti kipas dan lampu diod pemancar cahaya (LED) untuk kemudahan dan keselesaan peniaga. Sebanyak 7,243 MyKiosk di 133 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara telah diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT). Inisiatif ini telah berjaya mengubah nasib 7,343 buah keluarga dan memberi manfaat kepada lebih 35,000 anak Malaysia sejak ianya diperkenalkan.

Di antara rekod tertinggi pemegang MyKiosk ialah apabila ada peniaga yang satu bulan pendapatannya mencecah RM30,000.00.

Melalui MyKiosk, kerajaan berhasrat memperkasa taraf sosio-ekonomi penduduk setempat dengan memberi manfaat kepada para peniaga melalui pemberian kadar sewaan kiosk yang rendah serta ruang niaga yang seragam, selamat dan selesa. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan PBT yang terlibat melalui sewaan kiosk, sekaligus mewujudkan situasi menang-menang yang menguntungkan kerajaan dan rakyat.





PROGRAM SECOND SELANGOR FC PARTNERS DAY 2024



Sekitar kemeriahan Program Second Selangor FC Partners Day 2024 yang telah berlangsung di Selangor FC Training Centre, Shah Alam.

DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor telah berkenan merasmikan program ini. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.

Pelbagai aktiviti sukan dan riadah telah dijalankan seperti sukan bola jaring, badminton, tarik tali, futsal, Fun Run, pickleball serta persembahan nyanyian. Warga kerja MBSJ turut sama hadir menyertai aktiviti pada hari ini.



SELANGOR ECO RUN 2024



DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor telah berkenan merasmikan program Selangor Eco Run 2024 yang telah berlangsung di Taman Komuniti Putra Heights, Subang Jaya.

Turut hadir ialah YB Jamaliah Jamaluddin, Exco Kesihatan Awam dan Alam sekitar bersama YB Tuan Ng Sze Han EXCO Pelaburan, Perdagangan & Mobiliti Merangkap Ahli Dewan Negeri, Kinrara,



YB Tuan Lau Weng San, Speaker Kerajaan Negeri Selangor, YB Tuan Preakas a/l Sampunathan, Adun Kota Kemuning serta YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ dan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Program ini telah berjaya menarik penyertaan dari komuniti bandar raya sekaligus menyemarakkan semangat cintakan alam sekitar.



PUPUK AMALAN KITAR SEMULA BAGI MELESTARIKAN BANDAR RAYA



Amalan kitar semula merupakan salah satu agenda dalam usaha melestarikan sebuah bandaraya di mana ianya melibatkan semua pihak dalam pelaksanaannya. Kesedaran awal penting bagi memastikan agenda ini dimaterialisasikan. Justeru, penglibatan pelajar sekolah turut menjadi kunci dalam menjayakan agenda ini bak kata pepatah "Melentur buluh biar dari rebungunya".

Dalam memastikan misi ini tercapai, MBSJ telah menganjurkan pertandingan kitar semula melibatkan sekolah-sekolah di bawah pentadbirannya bagi memupuk kesedaran serta meningkatkan lagi kefahaman mengenai kepentingan mengitar semula.



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Sekolah dan Pertandingan Sketsa Pendek & Seni Doodle MBSJ Tahun 2024 pula telah diadakan pada 10 Disember 2024 bertempat di Hotel Summit Subang Jaya.

Majlis ini diadakan bagi menghargai usaha dan kreativiti para guru dan pelajar dalam mempromosikan kesedaran serta amalan kitar

semula melalui pertandingan yang dianjurkan. Majlis telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Turut hadir memeriahkan program ini adalah Puan Terrynz Tan, Sustainability Director, ASEAN, Tetra Pak Malaysia, Encik Muhammad Fauzi bin Ahmad,

Pengurus Acara dan Tajaan, Fraser & Neave Holdings Bhd, Puan Wan Fauziah binti Wan Abdullah, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah (Sektor Pembangunan Murid), Daerah Petaling Perdana, ahli majlis, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah yang terlibat. Syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.



PERKASA KOMUNITI HADAPI BENCANA



MBSJ telah menganjurkan Seminar Komuniti Berdaya Tahan Bencana Menghadapi Monsun Timur Laut Majlis Bandaraya Subang Jaya pada 14 Disember 2024 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Penganjuran seminar ini berdasarkan kaedah Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (Community Based Disaster Risk Management-CBDRM) yang menekankan peningkatan kapasiti komuniti tempatan dan pengurangan risiko bencana sebagai agenda penting dalam pengurusan bencana. Penceramah jemputan daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA),

Jabatan Meteorologi Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat selain daripada MBSJ sendiri telah dijemput untuk memberikan pendedahan dan maklumat penting tentang persiapan dan tindak balas yang perlu dilakukan ketika menghadapi sesuatu bencana.

Seramai 120 peserta yang terdiri daripada komuniti kawasan berisiko bencana dan wakil-wakil agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana di kawasan MBSJ hadir dalam seminar ini. Semoga usaha ini dapat merealisasikan hasrat untuk menjadikan Subang Jaya sebagai bandar raya berdaya tahan bencana.



KEJOHANAN KAROM SEMARAKKAN SEMANGAT KESUKANAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 7 telah menganjurkan Kejohanan Karom Beregu Terbuka Piala Datuk Bandar MBSJ 2024. Kejohanan ini telah berlangsung pada 14 Disember 2024 (Sabtu) bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ, Persiaran Putra Megah (Harmoni), Putra Heights, bermula jam 8.00 pagi.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Preakas a/l Sampunathan, Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning. Turut hadir adalah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, ahli-ahli majlis, para pegawai MBSJ serta komuniti bandar raya.

Penganjuran kejohanan ini diadakan bertujuan mempromosikan permainan karom sebagai satu aktiviti yang mampu menyatukan masyarakat selain memupuk semangat kesukuan dalam kalangan penduduk setempat.



HARMONI KRISMAS DI SUNWAY



Suasana harmoni pelbagai kaum serta kemeriahan sambutan perayaan dapat dirasakan semasa Sambutan Hari Krismas Peringkat Negeri Selangor yang telah berlangsung pada 14 Disember 2024 bertempat di Dataran Terbuka Tempat Letak Kenderaan, Bandar Sunway, Subang Jaya.

Majlis yang direncanakan dengan pelbagai aktiviti ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan. Turut serta dalam majlis ini YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Ketua-Ketua Jabatan Negeri Selangor, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah MBSJ serta komuniti bandar raya.

Kesemua hadirin yang hadir ke majlis ini telah dihiburkan dengan pelbagai persembahan istimewa serta pilihan makanan menarik. Dalam majlis yang sama Kerajaan Negeri turut menyampaikan sumbangan kepada persatuan, rumah ibadat dan



badan kebajikan di Negeri Selangor.

Semoga sambutan perayaan ini dapat mengeratkan lagi semangat perpaduan kaum di Negeri Selangor serta dapat menarik lebih ramai pelancong ke Selangor.



MBSJ BANTU PENIAGA WUJUDKAN TAPAK SMART TRAK



MBSJ sentiasa terbuka dalam membantu peniaga menjana pendapatan dengan menyediakan prasarana yang komprehensif serta menarik pengunjung. Salah satu lokasi yang telah dibangunkan adalah di Tapak Smart Trak Dataran Millenium SS13, Subang Jaya.

Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan bagi memeriahkan lagi tapak niaga seperti aktiviti 'Car Boot Sale', 'Food Truck', 'Food Cart' dan Penjaja Kanopi.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, juga telah berkesempatan mengunjungi tapak tersebut semasa Program Menyantuni Para Peniaga pada 15 Disember 2024 yang lalu.

Turut hadir adalah Puan Nik Zalina binti Megat Muda, Pengarah Pelesenan serta pihak penganjur tapak niaga iaitu Encik Syed Izmir dan Encik Khairul Anwar bin Che Azmi.

Tapak Smart Trak beroperasi empat (4) kali seminggu iaitu pada hari Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula dari jam 6.00 petang hingga 12.00 malam.



PANTAS MBSJ SERTAI SKUAD IHSAN MADANI MISI #KITASELANGOR PENYAYANG BANTUAN PASCA BANJIR NEGERI KELANTAN



MBSJ melalui Skuad PANTAS MBSJ telah menyertai Skuad Ihsan Madani Misi #KitaSelangor Penyayang Bantuan Pasca Banjir Negeri Kelantan bermula 16 Disember hingga 19 Disember 2024.

Majlis Pelepasan Misi Bantuan Bencana ini diadakan pada 16 Disember 2024 bertempat di Dataran SUK, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Shah Alam yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Turut bersama di dalam misi ini adalah Skuad PANTAS Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor, Sukarelawan Serve, Team Selangor, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSN), KDEB Waste Management (KDEBWM) dan Media Selangor.

Seramai 6 anggota PANTAS MBSJ dan 2 Kenderaan serta peralatan kebersihan yang terlibat dalam misi ini bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan.

Selamat berkhidmat kepada anggota PANTAS MBSJ dan semua yang terlibat di dalam misi ini.



KONGSI PENGALAMAN TINGKAT NILAI INTEGRITI



Ombudsman) bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCKK), Kuching, Sarawak.

Dalam sesi ini, Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ telah dijemput sebagai panel jemputan bagi berkongsi pengalaman dan informasi mengenai pembangunan integriti bersama komuniti sebagai salah satu mekanisme tadbir urus aduan PBT secara efisien yang telah dilaksanakan

oleh MBSJ dalam memberi impak kepada komuniti bandar raya.

Semoga perkongsian informasi dan pengalaman ini dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak serta mempertingkatkan lagi nilai integriti di kalangan penjawat awam.

MBSJ berbesar hati menyertai Taklimat Pembangunan Integriti bersama komuniti mengenai "Community Integrity Building" kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi kerajaan seluruh Sarawak.

Sesi taklimat yang berlangsung pada 17 Disember 2024 ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Integriti &



Selamat Menyambut TAHUN BARU 2025

Ikhtlas Daripada:

YBHG. DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD. RAHIM, D.I.M.P.
DATUK BANDAR

SERTA

TIMBALAN DATUK BANDAR,
AHLI-AHLI MAJLIS DAN SELURUH WARGA KERJA
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.



Jom Bayar Cukai
Insentif
RM15
KEPADA 30,000
PEMEGANG AKAUN PERTAMA
MELALUI PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN
ATAS TALIAN MBSJ DENGAN TERMA
DAN SYARAT.



Sila imbas kod QR untuk
masuk ke whatsapp MBSJ
MBSJ gemilang
Bersama

Syarat-syarat yang
ditetapkan
seperti berikut:

- Akaun TIADA tunggakan cukai
- Membayar setahun (2 Penggal) sebelum 1 Mac 2025
- Bayar cukai melalui EZYMBSJ, EZYPay atau kios MBSJ

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua
bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan
kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.